

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : DATUK KHOO SOO SEANG  
TARIKH : 20 MAC 2018  
SOALAN : 15**

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengenai inisiatif menutup kedai makan mamak 24 jam bagi menangani obesiti, apakah hasil perbincangan dengan kementerian yang lain serta adakah Kementerian juga akan menutup tempat makanan milik korporat besar contohnya McD dan KFC yang juga dibenarkan beroperasi 24 jam.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Inisiatif menghadkan waktu operasi kedai makan dan restoran kepada 12 tengah malam bertujuan mendidik rakyat Malaysia untuk tidak mengamalkan tabiat makan lewat malam yang boleh menyumbang kepada masalah obesiti dan penyakit-penyakit kronik seperti diabetes dan hipertensi. Pada masa ini, kerajaan membelanjakan peruntukan yang besar bagi merawat pesakit-pesakit kronik kerana ianya memerlukan rawatan yang berpanjangan. Justeru, pelaksanaan polisi ini

14

akan memberi impak positif yang besar kepada ekonomi negara di masa akan datang.

Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan menunjukkan bahawa prevalen berlebihan berat badan dan obesiti di kalangan orang dewasa telah meningkat daripada 21% pada tahun 1996 kepada 43.5% pada tahun 2006, 44.5% pada tahun 2011 dan 47.7% pada tahun 2015. Sementara prevalen diabetes juga telah meningkat daripada 8.3% pada tahun 1996 kepada 11.6% pada tahun 2006, 15.2% pada tahun 2011 dan 17.5% pada tahun 2015. Memandangkan masalah ini semakin serius, usaha bersepadu daripada pelbagai pihak perlu digerakkan untuk membendung masalah obesiti dan penyakit-penyakit kronik supaya tidak terus meningkat.

Untuk makuman YB Tebrau, pelaksanaan polisi ini adalah di bawah tindakan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) selaku kementerian peneraju. Polisi Sekatan Mandatori Terhadap Waktu Operasi Kedai Makan dan Restoran kepada 12 Tengah Malam telah melalui beberapa siri perbincangan dan mesyuarat bersama pelbagai kementerian dan agensi. Ia juga telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Persekitaran Hidup Sihat yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri.

Polisi ini akan dilaksanakan secara berfasa supaya tidak akan membebankan pihak yang terlibat. Untuk itu, KPKT akan memperhalusi

15

garis panduan pelaksanaan polisi ini bersama Pihak Berkuasa  
Tempatan (PBT) sebelum polisi dikuatkuasakan.

**SOALAN ( 16 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : LISAN

**TARIKH** : 20 MAC 2018  
[ SELASA ]

**DARIPADA** : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM  
[ SEPUTEH ]

**SOALAN** :

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan fungsi di antara **PEMANDU** dan **PEMUDAH**. Apakah **PEMANDU** di **JPM** telah dimansuhkan ataupun diswastakan

17

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Idea untuk pasukan petugas berkemampuan tinggi untuk menangani birokrasi dalam urusan perniagaan kerajaan telah mula diperkenalkan pada Ucapan Tahunan Perdana Menteri kepada Perkhidmatan Awam pada 11 Januari 2007. Ia telah diakui bahawa inisiatif merangkumi kementerian-kementerian berlainan yang konsisten diperlukan untuk memberi kesan yang lebih besar dalam penambahbaikan dalam cara kerajaan mengawal selia perniagaan. Untuk menjadikan inisiatif benar-benar relevan dalam konteks keperluan semasa dan industri ia juga penting untuk mempunyai penyertaan aktif oleh sektor swasta.

Oleh itu, pada 7 Februari 2007, Pasukan Petugas Khas untuk Memudahkan Perniagaan atau ("PEMUDAH") telah ditubuhkan. Pasukan ini terdiri daripada 23 individu yang sangat dihormati dari sektor awam dan swasta. Pada masa ini, ia dipengerusikan bersama oleh Ketua Setiausaha Negara dan Presiden Persekutuan Pengilang Malaysia ("FMM").

Antara objektif penubuhan PEMUDAH adalah seperti berikut;

1. mengkaji status sistem penyampaian perkhidmatan awam dari segi proses, prosedur, undang-undang dan sumber manusia dan mencadangkan dasar baru untuk penambahbaikan;
2. menanda aras amalan terbaik untuk meningkatkan kemudahan menjalankan perniagaan;
3. meningkatkan kerjasama antara agensi sektor awam dan swasta untuk meningkatkan daya saing Malaysia;
4. memantau pelaksanaan dasar, strategi dan prosedur yang akan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian sektor awam dan swasta;
5. mengambil tindakan sewajarnya untuk menangani isu-isu selaras dengan falsafah kebangsaan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan; dan
6. mencapai perkhidmatan penandaan sektor awam dan swasta yang berpusatkan, inovatif, keusahawanan dan proaktif secara global untuk menyokong ekonomi dan masyarakat yang bertenaga, berdaya tahan dan berdaya saing, didorong oleh yang berikut:
  - (i) sikap mahu mengambil tindakan yang segera;
  - (ii) kerjasama sektor awam-swasta yang proaktif;
  - (iii) memudahcara proses perniagaan;

- 19
- (iv) mengelakkan peraturan yang lebih daripada yang diperlukan; dan
  - (v) toleransi sifar untuk rasuah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia adalah dalam laluan pembangunan ekonomi menuju ke arah negara berpendapatan tinggi. Seperti sedia maklum, sasaran negara berpendapatan tinggi telah disarankan dalam Model Ekonomi Baharu yang diperkenalkan pada 30 Mac 2010 dan pencapaian sasaran ini adalah melalui pelaksanaan inisiatif dibawah Program Transformasi Negara (NTP) merupakan satu usaha yang menyeluruh untuk melonjakkan Malaysia ke arah negara maju.

Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) telah ditubuhkan pada tahun 2009 untuk menjadi unit peneraju bagi mewujudkan sistem pengurusan prestasi yang merangkumi petunjuk prestasi utama (KPI) dan menginstitusikan budaya penyelesaian masalah yang sistematik dan efektif dalam perkhidmatan awam. Oleh itu, PEMANDU telah diberikan peruntukan tahunan untuk membantu mentadbir urus perbelanjaan operasi dalam menjayakan pemantauan KPI dan pelaksanaan projek di bawah Program Transformasi Negara (NTP). Hasilnya, pelaksanaan NTP tahun demi tahun telah menunjukkan

kejayaan yang memberansangkan, dan telah membawa negara kita semakin hampir kepada tahap negara maju.

Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (“PEMUDAH”) dan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (“PEMANDU”) telah bekerjasama memastikan semua inisiatif yang dilaksanakan bergerak bersama-sama di dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai satu destinasi pelaburan utama.

Pada tahun 2017, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk membubarkan Unit PEMANDU dan memulakan proses peralihan di mana fungsi Unit PEMANDU telah diambil alih oleh Unit Penyampaian Perkhidmatan Awam di bawah pimpinan Ketua Setiausaha Negara.

Sekian, terima kasih.

Mac 2018